

BULETIN BENGKEL ASAS GAMELAN

TARIKH : 27-29 OKTOBER 2021

MASA : 9.00 PAGI - 5.00 PETANG

BERTEMPAT : GALERI BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA, JABATAN WARISAN NEGARA

Bengkel Asas Gamelan anjuran Cawangan Seni Persembahan, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara telah dilaksanakan pada 27 hingga 29 Oktober 2021 di Galeri Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara. Gamelan telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2012 melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Sehubungan itu, bengkel ini dilaksanakan dengan matlamat agar masyarakat Malaysia lebih memahami dan celik Gamelan seiring peranan dan fungsi jabatan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan serta memulihara dan memelihara warisan kebudayaan negara.

Bengkel ini telah dikelolakan oleh Cik Farizan Mohamad Razuri, Penggiat Seni Gamelan dan Jurulatih Seni Budaya Negara. Pengisian bengkel meliputi pembelajaran secara teori dan amali melibatkan penyertaan daripada kakitangan Jabatan Warisan Negara dan orang awam yang dibahagikan kepada dua sesi atau dua kumpulan peserta bagi tujuan meningkatkan fokus pembelajaran terutamanya untuk kelas amali.

Hasil daripada pelaksanaan bengkel ini para peserta telah diberikan pendedahan terhadap *standard* atau asas untuk bermain alat muzik Gamelan, meningkatkan kemahiran dan teknik penguasaan bermain alat muzik Gamelan dan sekaligus menggalakkan pelbagai bidang pegawai dan kakitangan Jabatan, orang awam, penggiat budaya, pelajar pengajian awam dan swasta mengenali, memahami dan meminati teknik bermain Gamelan yang paling asas.

Majlis Penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof pada 29 Oktober 2021 (Jumaat).

Disemak oleh :



(DR. EYO LENG YAN)
PENGARAH
BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA